

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**
[KOTA RAJA]

SOALAN : **Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pandangan Amerika Syarikat mengenai etnik Rohingya selepas Malaysia membawa isu tersebut semasa lawatan ke Washington.

178

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa mesyuarat YAB Perdana Menteri dengan Presiden Trump di Amerika Syarikat pada 12 September 2017, Yang Amat Berhormat telah membangkitkan isu etnik Rohingya di Myanmar dengan Presiden Trump. Pihak Amerika Syarikat telah menunjukkan minat dan kesungguhan memahami situasi sebenar yang berlaku dan mengetahui usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia dalam membantu pelarian etnik Rohingya.

3. Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat telah menerangkan kepada pihak Amerika Syarikat akan tindakan kejam yang dilakukan tentera Myanmar ke atas etnik Rohingya merupakan penghapusan etnik dan pembunuhan beramai-ramai (*genocide*). YAB Perdana Menteri juga telah berkongsi maklumat akan bantuan yang dipanjangkan oleh Kerajaan Malaysia kepada pelarian Rohingya.

4. Susulan itu, Presiden Trump telah mengarahkan Majlis Keselamatan Kebangsaan (*National Security Council (NSC)*), Rumah Putih untuk segera mengeluarkan kenyataan tegas mendesak Kerajaan Myanmar menghentikan tindakan kejam oleh tentera negara tersebut. Isu Rohingya turut dimuatkan dalam kenyataan bersama kedua-dua

pemimpin di akhir lawatan YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat pada bulan September yang lalu. Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat telah mendapatkan kerjasama daripada pihak Amerika Syarikat untuk menyumbang bantuan kemanusiaan kepada etnik Rohingya. Jabatan Negara Amerika Syarikat pada 20 September 2017 telah mengumumkan bantuan kemanusiaan dari Amerika Syarikat bernilai USD 32 juta untuk disalurkan kepada etnik Rohingya.

5. Tindakan yang diambil oleh pihak Amerika Syarikat telah mencerminkan bahawa suara Kerajaan Malaysia didengari oleh kuasa-kuasa besar, terutamanya dalam mengetengahkan isu-isu semasa yang berkepentingan kepada Malaysia ke persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih.